

**NO. SOALAN: 65**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU [ TUARAN ]**

**TARIKH : 10MAC 2015**

**RUJUKAN : 7492**

**SOALAN:**

**Datuk MadiusTangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan laporan polis yang telah dibuat oleh pelbagai pihak meminta pihak polis menyiasat kewujudan 'Projek I/C' dan apakah status penyiasatan polis terhadap laporan-laporan tersebut setakat ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak Polis Diraja Malaysia telah menjalankan siasatan berkait Karamunsing Repot 18919/2014 pada 07 Disember 2014 dan 15 laporan polis yang lain dibuat oleh orang perseorangan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs). Laporan yang dibuat adalah berkaitan kewujudan “Projek I/C” yang dikatakan berlaku di Sabah iaitu pengeluaran kad pengenalan Malaysia kepada pendatang asing supaya mereka boleh mengundi bagi parti politik tertentu sepertimana kenyataan dalam Laporan *Royal Commission of Enquiry on Immigrant Sabah (RCI)*. Pihak Polis masih meneruskan siasatan.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

**TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :** Tuan Tan Kok Wai minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan keadaan yang ada kaitan dengan pengeluaran makanan dalam negara dan berapakah jumlah perbelanjaan ke atas makanan import setiap tahun mulai 2005 hingga 2014.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Bagi tempoh 2005 hingga 2014, pengeluaran makanan negara telah meningkat pada kadar purata sebanyak 3.4% setahun daripada 6.79 juta tan metrik pada tahun 2005 kepada 9.21 juta tan metrik pada tahun 2014. Penyumbang tertinggi kepada pengeluaran makanan negara pada tahun 2014 adalah tanaman makanan utama seperti beras (18.5%), buah-buahan (17.3%) dan sayur-sayuran (15.6) iaitu keseluruhannya menyumbang sebanyak 51.4% atau 4.73 juta tan metrik. Ini diikuti oleh ternakan yang menyumbang sebanyak 27.8% atau 2.56 juta tan metrik dan ikan makanan yang menyumbang sebanyak 20.8% kepada 1.92 juta tan metrik. Peningkatan dalam pengeluaran makanan negara ini adalah disebabkan kejayaan Kementerian melaksanakan program dan projek yang telah dirancang dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN)(2011-

2020). Antara program-program yang dijalankan oleh Kementerian ini yang menyumbang kepada peningkatan tersebut adalah galakan penggunaan tanah secara optimum melalui pewartaan kawasan jelapang padi, Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan Kawasan Tumpuan Sasaran (KTS). Selain itu, projek-projek di bawah *National Key Economic Area (NKEA)* Pertanian melalui 16 projek permulaan atau Entry Point Project (EPP) seperti taman pemakanan bersepadu, pengukuhan produktiviti penanaman padi, ternakan dalam sangkar dan pembangunan industri benih. Selain itu, projek Ladang Kontrak di bawah Lembaga Pemasaran Persektuan (FAMA) turut menyumbang kepada peningkatan pengeluaran makanan negara ini. Sementara itu, jumlah perbelanjaan ke atas makanan import negara bagi tempoh 2005 hingga November 2014 adalah berjumlah sebanyak RM293.95 bilion. Pecahan jumlah perbelanjaan import mulai tahun 2005 hingga 2013 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>IMPORT (RM BILION)</b>
2005	17.73
2006	19.93
2007	23.37
2008	27.92
2009	26.68
2010	30.19
2011	34.45
2012	36.05
2013	38.88
Januari - November 2014 <sup>P</sup>	38.74
<b>JUMLAH</b>	<b>293.95</b>

Nota : p – provisional/sementara

Sehingga Januari - November 2014, nilai import makanan negara meningkat sebanyak 10.1% kepada RM38.74 bilion berbanding RM35.20 bilion pada tempoh yang sama bagi tahun 2013.

Bagi tempoh antara bulan Januari hingga November 2014, sumber makanan utama yang diimport adalah hasil tenusu (9.27%), bijirin seperti beras dan gandum (9.45%), ikan, krustasea, moluska dan sediaan (8.35%), sayur-sayuran beriklim sederhana seperti bawang, ubi kentang, brokoli, kubis dan cendawan (7.49%) dan buah-buahan seperti oren, epal, anggur, kurma (5.48%). Selain itu, negara turut mengimport bahan makanan untuk ternakan (17.11%) seperti jagung dan kacang soya yang tidak dikeluarkan di negara ini untuk dijadikan makanan ternakan seperti ayam dan lembu.

Antara punca peningkatan import makanan negara adalah kerana keperluan negara mengimport komoditi makanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara disebabkan oleh kos pengeluaran yang tinggi dan faktor ketidaksesuaian iklim.